

**KAJIAN FAKTOR PENGARUH DAN CABARAN BUDAYA
TERHADAP PERPADUAN NEGARA DI SEMENANJUNG
MALAYSIA**

**MOHD RA'IN BIN SHAARI
ADENAN BIN AYOB
ZARIMA BINTI ZAKARIA
ABDULLAH BIN YUSOF**

KOD PENYELIDIKAN: 2016-0090-106-10

**INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN INTEGRASI NASIONAL
(IKLIN)**

DENGAN KERJASAMA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian Faktor Pengaruh dan Cabaran Budaya Terhadap Perpaduan Negara di Semenanjung Malaysia

PENDAHULUAN

Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk yang unik dan terkenal sebagai sebuah masyarakat yang telah berjaya serta menjadi model masyarakat majmuk yang hidu aman damai kepada negara-negara luar. Keunikan ini wujud kerana walaupun penduduknya terdiri daripada berbilang etnik, namun konflik antara etnik jarang berlaku. Bagi Malaysia, kepelbagaian etnik merupakan suatu kekuatan yang mewarnai corak negara ini. Rakyat Malaysia yang pelbagai etnik ini mampu menyelesaikan masalah dan mengelakkan konflik dengan cara tersendiri. Kesemua ini menggambarkan bahawa wujudnya perpaduan kaum. Konsep perpaduan di Malaysia bermaksud satu proses menyatupadukan anggota-anggota masyarakat dan negara seluruhnya melalui ideologi negara supaya tiap-tiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama dalam kalangan mereka (Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia, 1997).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

- a) Mengenal pasti tahap integrasi etnik yang terdapat di Semenanjung Malaysia;
- b) Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perpaduan etnik di Semenanjung Malaysia dari aspek pendidikan, perniagaan, ICT dan migrasi dan hak kebebasan;
- c) Mengenal pasti cabaran budaya dan perpaduan etnik di Semenanjung Malaysia;
- d) Mengenal pasti perbezaan dalam tahap integrasi etnik yang terdapat di Semenanjung Malaysia;
- e) Mengenal pasti perbezaan dalam faktor yang mempengaruhi perpaduan etnik di Semenanjung Malaysia dari aspek pendidikan, perniagaan, ICT dan migrasi dan hak kebebasan; dan
- f) Mengenal pasti perbezaan cabaran budaya dan perpaduan etnik di Semenanjung Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

a) Responden Kajian

Penyelidikan ini meneliti tahap integrasi antara etnik di Semenanjung Malaysia. Beberapa tokoh berpendapat bahawa tahap integrasi antara etnik di Semenanjung Malaysia agak membimbangkan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti tahap integrasi antara etnik di Semenanjung Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Sejumlah 1544 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

b) Lokasi Kajian

Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Wilayah Persekutuan dan Kelantan.

DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya pengkaji menemui jumlah kekerapan kumulatif bagi keseluruhan pernyataan tahap integrasi antara etnik adalah tinggi pada tindak balas responden pada item “saya bersedia berkenalan dengan rakan yang berlainan etnik” dengan 86.5%. Ini membuktikan semua etnik mempunyai keinginan untuk berkenalan dengan orang lain yang terdiri daripada etnik yang berbeza-beza. Oleh itu, tidak hairanlah jika negara Malaysia mempunyai masyarakat yang bersatu padu.

Dapatan kajian ini mendapati semua soalan kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam tahap integrasi antara etnik di Semenanjung Malaysia.

CADANGAN KAJIAN MASA DEPAN

- a) Kajian berkaitan aspek perpaduan, kebudayaan dengan melibatkan responden yang lebih ramai dan meliputi Sabah dan Sarawak supaya tahap perpaduan negara dapat dikaji secara lebih meluas dan berpada.
- b) Kajian berkaitan impak kepartian di negara ini ke atas perpaduan negara juga boleh dilakukan dengan memfokuskan parti-parti kerajaan dan pembangkang supaya dapatan kajian ini dapat menerangkan kepada rakyat Malaysia tentang impak dan pengaruh parti-parti politik terhadap perpaduan rakyat.
- c) Kajian melibatkan responden yang lebih meluas misalnya perlu juga melibatkan murid-murid sekolah rendah dan menengah kerana kelompok umur ini akan memberi implikasi yang besar terhadap perpaduan pada masa hadapan.

KESIMPULAN

Pengaruh dan cabaran budaya terhadap perpaduan negara amatlah perlu dititikberatkan daripada pelbagai pihak samada pihak kerajaan mahupun masyarakat Malaysia itu sendiri. Media massa perlu dijadikan medium komunikasi sebagai saluran maklumat dalam membangkitkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.